

ANALISIS PELAKSANAAN ELEMEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM KALANGAN GURU BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH ORANG ASLI

*(Analysis On The Implementation Of Higher Order Thinking Skills Amongst Malay Language At Secondary School For Indigenous People)***ANIDA SARUDIN**Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
anida@fbk.upsi.edu.my**ZULKIFLI OSMAN**Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
zulkifli@fbk.upsi.edu.my**HUSNA FAREDZA MOHAMED REDZWAN**Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
husna.faredza@fbk.upsi.edu.my**MOHD AMIR MOHD ZAHARI**Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
amir.mz@fbk.upsi.edu.my**MARLINI IDRIS**Pusat Bahasa dan Pengajian Umum
Universiti Pendidikan Sultan Idris
lini.idris@pbmpu.upsi.edu.my**Dihantar pada:**

24 Februari 2020

Diterima pada:

07 April 2020

Koresponden:anida@fbk.upsi.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengenal pasti pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang diamalkan oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam pedagogi Bahasa Melayu dan mengukur elemen KBAT berdasarkan Skala Ketelusan Kognitif (Cognitive Research Trust-CoRT) di sekolah-sekolah Orang Asli (sekolah menengah) di Perak. Kajian kualitatif ini dijalankan berdasarkan: Skala Ketelusan Kognitif (Cognitive Research Trust -CoRT) oleh Edward de Bono (1973) yang melibatkan enam jenis CoRT, iaitu CoRT 1 (*Breadth* -Keluasan persepsi), CoRT 2 (*Organisation* -Organisasi berfikir), CoRT 3 (*Interaction* -Interaksi), CoRT 4 (Critical Thinking and Argument -Argumen berfikir kritis dan kreatif), CoRT 5 (*Information and Feeling* -Maklumat dan Perasaan), dan CoRT 6 (Action -Tindakan). Seramai enam orang guru daripada tiga buah sekolah menengah Orang Asli di Perak terlibat dalam proses pencerapan PdPc dan temu bual. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini melibatkan senarai semak PdPc, dan temu bual yang melibatkan soalan berstruktur dan tidak berstruktur. Hasil kajian mendapati bahawa Skala Ketelusan Kognitif dapat menjadi peranti efektif dalam mengukur elemen KBAT dalam pedagogi Bahasa Melayu. Guru-guru telah memilih teknik berfikir yang sesuai yang dapat diaplikasikan bagi mencungkil aspek berfikir dalam setiap perkara yang dinyatakan pada skala CoRT 1 hingga CoRT 6. Berdasarkan pengamalan CoRT dalam PdPc, kajian ini telah menentukan aras skor sebagai pengukur KBAT melalui titik hubungan antara strategi peranti dan teknik berfikir. Analisis juga menunjukkan kebanyakan guru yang terlibat menggunakan CoRT pada aras yang sederhana. Kajian ini menawarkan sumbangan mengukur KBAT menggunakan skala pengukuran yang lebih telus dan berpiawai. Penguasaan KBAT dapat diteliti dalam komunikasi guru dan diukur berlandaskan skala dan peranti berfikir yang relevan dan efektif.

Kata Kunci: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Skala Ketelusan Kognitif, peranti berfikir, teknik berfikir, pedagogi Bahasa Melayu, guru-guru Bahasa Melayu, sekolah-sekolah Orang Asli.

Abstract: The purpose of this study is firstly to identify Malay language teachers' practices of Higher Order Thinking Skills (HOTS) assessment in Malay pedagogy and secondly; to examine the effectiveness of the Cognitive Research Trust Scale (CoRT) as a HOTS measurement tool in the teaching, learning and facilitation of the Malay language in indigenous schools across Perak state. This study adopts the qualitative research design to gain insights into the Malay language teachers' implementation of HOTS in their teaching, learning and facilitation practices, based on the Cognitive Research Trust Scale (CoRT) by Edward de Bono (1973). 6 types of CoRT were listed in the scale: CoRT 1 (Breadth), CoRT 2 (Organisation), CoRT 3 (Interacton), CoRT 4 (Critical Thinking), CoRT 5 (Information and Feeling) and CoRT 6 (Action). A total number of six teachers in three indigenous schools across Perak state were involved with the classroom observation and—semi-structured interviews. The instruments used in this study are a lesson observation checklist and list of interview questions. Results from this study found that the Cognitive Research Trust Scale (CoRT) serves as an effective HOTS measurement tool in the Malay language pedagogy. Teachers have selected the most appropriate measurement tool to show the thinking aspect of each item stated in CoRT 1 to CoRT 6. Based on the practice of CorT in teaching, learning and facilitation practices, this study has indicated that the level of score for HOTS measurement can be determined by looking at the relation between tools strategy and thinking skills. The findings indicated that most teachers used CoRT at the average level. This study contributes to the HOTS assessment in the use of a more explicit and standardised scale.

Keywords: High Order Thinking Skills (HOTS), Cognitive Research Trust Scale, thinking tools, thinking skills, Malay pedagogy, taxonomy, Malay teachers, indigenous schools

PENGENALAN

Salah satu tanggungjawab sebagai seorang guru ialah memperbaiki mutu pengajarannya supaya lebih berkesan. Seseorang guru perlu memikirkan kaedah pengajaran yang sesuai untuk membantu pelajar menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dalam pembelajaran mereka. Selain memperbaiki kaedah pengajaran, guru Bahasa Melayu juga perlu melengkapkan diri dengan aspek-aspek persediaan lain dalam meningkatkan mutu pengajaran seperti memperkayakan diri dengan kemahiran atau strategi meningkatkan ilmu pengetahuan, iaitu memperkasakan ilmu berkaitan bidang pengajaran (Zamri 2014). Berdasarkan hakikat tersebut, ternyata amalan pengajaran memainkan peranan penting bagi memastikan kualiti dalam pengajaran dan pencapaian prestasi yang cemerlang dalam kalangan pelajar.

Guru sebagai penggerak pemikiran murid perlu memastikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dikuasai agar dapat meningkatkan keupayaan belajar bahasa mereka kerana melalui KBAT, murid dapat mengawal, menentukan arah dan mengukur prestasi pembelajaran mereka. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu bukan sahaja diukur dalam aspek menguasai kemahiran berbahasa sahaja tetapi mampu menguasai pembelajaran secara sendiri. Objektif pengajaran Bahasa Melayu memerlukan murid yang bukan sahaja dapat menguasai kemahiran berbahasa, tetapi mampu menguasai pembelajaran secara sendiri. Untuk mencapai tahap berbahasa murid yang kompeten, guru perlu menyediakan situasi pembelajaran yang lebih kondusif dan mencabar agar pembelajaran Bahasa Melayu tidak dilihat sebagai mata pelajaran yang membosankan.

Objektif KBAT dalam Bahasa Melayu juga mensasarkan agar murid dapat menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari dengan lebih produktif. Dalam konteks kemahiran membaca, kebolehan murid menggunakan pengetahuan lalu sangat penting bagi memastikan mereka mampu berfikir secara kritis melalui teks yang dibaca. Bagi teks jenis hujahan, pelajar perlu mahir menganalisis hujah yang ada di dalam teks di samping dapat membuat penilaian terhadap teks tersebut. Untuk memastikan kemahiran berfikir yang memerlukan pelajar menganalisis dan membuat jangkaan terhadap plot teks jenis naratif

pula, guru Bahasa Melayu bukan hanya perlu menyediakan bahan bacaan yang mencabar, tetapi perlu mendedahkan strategi membaca kritis agar aktiviti membaca berkesan. Maka, keperluan berfikir aras tinggi perlu diadaptasikan dalam menyampaikan ilmu tersebut. Hal ini kerana, dalam konteks pelaksanaan KBAT, guru perlu mahir mengasimilasikan aspek KBAT seperti mampu mengolah, mencerakin, mengsintesis dan membuat pertimbangan atas masalah yang dihadapi dalam kehidupan.

Berdasarkan kurikulum Bahasa Melayu, kemahiran lisan dianggap penting, terutama dalam konteks menyediakan murid berkomunikasi secara interpersonal dan intrapersonal. Bagi memastikan murid mampu berkomunikasi menggunakan KBAT, maka guru boleh melaksanakan aktiviti lisan dengan menyediakan bahan dan tugas yang mencabar minda mereka. Contohnya dengan melaksanakan aktiviti main peranan dan simulasi bahasa, iaitu memberi peluang kepada murid merancang aktiviti kreatif sama ada secara berkumpulan ataupun individu. Oleh itu, dirumuskan bahawa kepentingan untuk mengasimilasikan aspek KBAT dalam PdP sekolah amat penting, khususnya bagi mewujudkan suasana pembelajaran aras tinggi yang secara tidak langsung memberi impak positif dalam pengurusan kehidupan dan komunikasi sosial murid khususnya.

Dalam konteks artikel ini, susulan kajian yang dilakukan menerusi Geran Penyelidikan Universiti (GPU 2016-0194-106-01), dapatan mendapati bahawa amalan KBAT juga dilihat sudah sedia ada dalam pelaksanaan aktiviti di sekolah-sekolah Orang Asli. Murid menjadi penggerak pembelajaran, iaitu guru menyerahkan pembelajaran didominasi oleh murid. Dalam konteks ini, murid dikehendaki menyatakan pendapat, pandangan atau idea berkaitan topik perbincangan PdP.

Pengamalan KBAT oleh guru dan murid-murid Orang Asli menggunakan kaedah inkuiri. Sesi penyoalan disuarakan oleh murid dan setiap soalan menerima respons daripada murid lain. Dalam konteks ini, guru hanya memantau dan memberi bimbingan pengetahuan agar soalan dan jawapan-jawapan daripada murid tersebut tidak terkeluar daripada topik yang dibincangkan. Secara tidak langsung, kajian ini juga mendapati guru dapat berkongsi kandungan pengetahuan di

luar isu yang dibincangkan. Keadaan ini telah menggalakkan proses soal jawab berlaku dengan lebih interaktif, iaitu murid juga turut berkongsi jawapan berasaskan KBAT bagi menyokong nilai tambah dalam isi kandungan yang disampaikan oleh guru.

Berdasarkan pencerapan PdP juga, kajian ini mendapati bahawa guru memberi pengajaran dan latihan dalam bentuk peta *i-Think* seperti yang digagaskan oleh KPM dari aspek pengamalan PdP berasaskan KBAT. Penggunaan peta *i-Think* dalam pengajaran dan latihan merangsang minda murid ke arah pencetusan idea yang kritis. Hal ini bertepatan dengan aras pengukuran yang ditetapkan dalam Taksonomi Bloom, iaitu pemikiran aras tinggi melibatkan idea yang dilahirkan secara sintesis, penilaian dan analisis.

Perbincangan topik yang melibatkan penggunaan peta *i-Think* memerlukan murid-murid berfikir secara kritikal, logikal, reflektif, kreatif dan metakognitif. Hal ini demikian kerana murid mampu menggunakan peta *i-Think* yang berbeza bagi menyampaikan pandangan atau idea mereka terhadap topik yang dibincangkan. Walaupun pelaksanaan elemen KBAT dilakukan dengan baik, namun begitu, terdapat kekangan dari sudut guru sukar menentukan elemen KBAT dalam mencungkil idea murid.

Persoalannya, bagaimana memahami wujudnya elemen KBAT dalam idea murid dan apakah kayu ukur menentukan elemen KBAT itu sendiri? Bertitik tolak daripada kekangan ini, maka satu strategi pelaksanaan dan pemahaman aspek KBAT telah dianalisis berdasarkan Peranti Strategi Ketelusan Kognitif atau *Cognitive Research Trust* atau CoRT.

PERMASALAHAN KAJIAN

Laporan perunding *Kestrel Education (UK)* dan *21 Century School* yang menyatakan bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia amat rendah (Nor Hasmaliza & Zamri 2016). Laporan *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* dan *Program For International Student Assessment* (Mullis, Martin, Foy, & Arora 2011) menyatakan bahawa kedudukan Malaysia semakin menurun dalam subjek bahasa, Sains dan Matematik, kerana murid hanya memiliki pengetahuan, tetapi tidak boleh menyelesaikan masalah pengetahuan yang

bersifat pemikiran menjadi titik tolak dalam pelaksanaan kajian ini.

Guru Bahasa Melayu yang profesional dapat meletakkan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang penting dalam sistem pendidikan negara. Untuk memastikan profesionalisme guru Bahasa Melayu dapat dipertanggungjawabkan, perlu difikirkan kembali kemahiran guru Bahasa Melayu agar sesuai dengan objektif untuk melahirkan guru Bahasa Melayu yang berkualiti dan berwibawa bukan sahaja dalam aspek kandungan, malah memiliki kemampuan berfikir aras tinggi. Walaupun guru-guru Bahasa Melayu ini berkerja di sekolah-sekolah yang terdiri daripada 50% Orang Asli, mereka perlu melakukan anjakan paradigma dalam PdP meliputi melakukan persediaan mengajar yang efektif, pengurusan kandungan pengajaran yang memenuhi konsep berfikir aras tinggi serta pengurusan bilik darjah yang mewujudkan suasana kondusif yang menggalakkan konteks berfikir aras tinggi (Anida, Husna Faredza, Adenan & Zuraini, 2017).

Menurut Anis dan Aswati (2018) pedagogi seharusnya direka untuk membantu pendidik menyampaikan pengajaran mereka dengan cara yang penuh perhatian selain meningkatkan kemahiran berfikir dan meningkatkan kreativiti, peribadi dan pembangunan interpersonal. Dalam aspek pengajaran kandungan, misalnya pengamalan KBAT dipupuk menerusi gabung jalin pelbagai bidang. Penggunaan minda secara meluas berlaku apabila seseorang itu perlu mentafsir, menganalisis atau memanipulasi maklumat bagi menjawab persoalan atau menyelesaikan masalah yang dikemukakan. KBAT juga merupakan proses fundamental yang meliputi hal-hal seperti membina pengetahuan, kemahiran analisis dan sintesis, membina kreativiti serta membuat penilaian (Anida et al. 2017, Anida, Husna Faredza, Zulkifli, & Intan Safinas, 2019).

Penguasaan KBAT dalam kalangan murid penting kerana kajian-kajian lalu mendapati kemahiran ini dapat meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid khususnya dalam pengajaran Bahasa Melayu (Anida et al. 2017, 2019). KBAT juga wajar dilaksanakan kerana dapatan kajian mendapati tahap motivasi murid dapat ditingkatkan malah dapat menimbulkan rasa seronok ketika belajar Bahasa Melayu (Zulkifli, 2015). Hal ini jelas menunjukkan bahawa KBAT dapat mengubah pedagogi Bahasa Melayu yang

pada awalnya dianggap membosankan kerana tertumpu kepada bidang itu sendiri sahaja, sedangkan aplikasi KBAT menggalakkan murid berfikir secara menyeluruh dalam pelbagai bidang. Menurut Chew dan Zul Hazmi (2018), KBAT penting sebagai suatu platform dalam mencorakkan pembangunan pendidikan yang kreatif dalam kalangan murid.

Lazimnya, dalam bidang pendidikan, aspek KBAT sering ditakrifkan sebagai PdP yang berbentuk inkuiri, penyelesaian masalah, penyelidikan dan berasaskan projek, pelbagai pendekatan dan aktiviti di dalam bilik darjah, perbincangan, metakognisi, pengurusan grafik, iaitu penggunaan alat berfikir seperti peta pemikiran dan penyoalan aras tinggi dan PdP yang bersifat pemudahcaraan (Rajendran 2010, Laura 2011, Johari, Nor Hasniza, Abdul Halim & Yahya 2016). Walaupun di sekolah, guru-guru melaksanakan kajian-kajian berasaskan strategi tersebut, namun kesemua strategi itu sukar ditentukan sejauh mana murid dapat menjelmakan elemen KBAT tersebut. Dalam konteks ini, masalah pengukuran menjadi titik tolak kepada fokus kajian ini, iaitu bagaimanakah proses pengukuran KBAT dapat diperjelas dalam aspek pelaksanaannya.

Dalam merealisasikan pengamalan KBAT seperti yang disasarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pengetahuan berkaitan pelaksanaannya harus jelas. Hal ini termasuklah aspek-aspek yang berkaitan dengan pengukuran elemen KBAT. Dalam konteks ilmiahnya, pengukuran merupakan proses memberi penjelasan berangka kepada atribut bagi sesuatu benda, perkara, keadaan, orang atau peristiwa mengikut peraturan tertentu. Selain itu, hasil pengukuran dalam penyelidikan merupakan satu himpunan pemerhatian yang akan digunakan sebagai data kajian. Hal ini diperkukuhkan oleh Malcolm (2008) bahawa pengukuran melibatkan proses melihat prestasi secara mekanikal yang meneliti sesuatu proses penyelidikan dengan nombor.

Berdasarkan definisi ini, kajian ini merumuskan bahawa konsep pengukuran dalam pendidikan merujuk kepada satu piawaian yang diteliti dalam sesuatu proses pendidikan. Proses pengukuran dalam pendidikan melibatkan juga hal-hal pentaksiran dan penilaian kerana kedua-dua aspek ini saling berkaitan. Menurut Kubiszyn

dan Borich (2003), seseorang guru yang mengajar murid harus mengetahui pengujian, pengukuran dan penilaian dalam pendidikan sebelum memahami penilaian secara holistik.

Bahagian Pembangunan Kurikulum (KPM 2014) menyatakan bahawa pelaksanaan KBAT di sekolah perlu menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik yang mengandungi tiga elemen utama, iaitu kurikulum, pedagogi, pentaksiran; dan empat elemen sokongan, iaitu ko-kurikulum, sokongan komuniti dan swasta, sumber dan bina upaya. Kerangka pentaksiran yang mantap dapat mengetahui perkembangan dan pencapaian murid dalam menyelesaikan soalan aras tinggi (Saidatul Akmal, Abdul Halim, Noor Dayana & Dayana Fazeha 2016).

Berdasarkan penjelasan pandangan pakar berkaitan konsep pengukuran dan kepentingan elemen pelaksanaan KBAT yang disasarkan oleh KPM (2013a), penulis meyakini bahawa perlu ada satu konsep yang jelas dalam usaha mengukur aras KBAT dalam implementasinya. Tambahan pula, kajian turut mendapati bahawa penerapan CoRT dan alat berfikir PMI (*Plus, Minus, Interesting*) dalam pedagogi Bahasa Melayu telah berlaku, namun masih di peringkat yang sederhana kerana guru-guru Bahasa Melayu masih belum menguasai amalan peranti ini secara terperinci (Anida et al. 2019, Sharwin et al. 2019).

Proses pengukuran dalam pelaksanaan KBAT disekolah perlu diperhalusi dari pelbagai sudut. Antaranya kajian pengukuran KBAT diteliti dari sudut kajian pengesanan item pentaksiran. Menurut Arsaythamby Veloo (2018), yang mengkaji keupayaan teori dan pelaksanaan pentaksiran dalam pembelajaran telah meneliti beberapa bentuk item pengujian seperti item objektif dan subjektif. Dalam item objektif terdapat item mengisi tempat kosong, item betul salah, item pemadanan item aneka pilihan dan aneka pilihan bergabung. Seterusnya, ujian subjektif pula terdiri daripada item jawapan pendek, soalan berstruktur dan item esei.

Setiap pembinaan item ini perlu diperhalusi dengan terperinci berdasarkan Taksanomi Bloom. Misalnya, bagi ujian objektif yang menggunakan item tempat kosong sesuai untuk mengukur ingatan, fakta, nama, tempat dan peristiwa khusus dan tidak sesuai untuk tingkah laku yang sukar diramal seperti pemikiran kreatif dan kritis. Begitu juga item pemadanan item pemadanan cenderung

untuk bertanya maklumat melibatkan padanan yang banyak. Bagi ujian subjektif misalnya, item esei lebih sesuai diaplikasikan untuk menguji aras yang lebih tinggi pada peringkat aras sintesis dan penilaian. Berdasarkan maklumat ini, jelas menunjukkan bahawa penentuan aras item soalan juga perlu mematuhi kayu ukur yang ditetapkan.

Terdapat kajian pengukuran KBAT yang menggunakan strategi pengajaran seperti strategi pembelajaran atas talian. Kajian tersebut ialah kajian oleh Suhaimi, Baharuddin, Hasnah, Norasyikin, dan Zaleha (2014) membincangkan tentang kemampuan corak pembelajaran dalam talian, iaitu Model Stesen Rotasi Pelbagai Mod dalam memperbaiki kebolehan pembelajaran sendiri, memperbaiki motivasi dan penglibatan murid, meningkatkan sumber pembacaan dan fleksibiliti pembelajaran, berpotensi meningkatkan keberkesanan PdP guru, memaksimumkan penggunaan aplikasi pembelajaran sosial serta merapatkan jurang digital dalam kalangan murid.

Pembelajaran Rotasi Stesen Pelbagai Mod berpotensi meningkatkan KBAT dalam kalangan murid dengan gabungan Aktiviti Perbincangan dan Pembelajaran Dalam Talian. Pendekatan ini memerlukan murid berfikir secara kreatif dan kritis dalam menyuarakan pendapat serta memberi jawapan dalam setiap soalan yang diberikan oleh guru. Keberkesanan gabungan pembelajaran kolaborasi dalam talian dapat memberi impak positif dan membantu pengkaji memahami kekuatan dan kelemahan kaedah yang dicadangkan dalam meningkatkan KBAT dalam kalangan murid. Namun begitu, kajian ini hanya tertumpu kepada pengajaran KBAT menggunakan Model Stesen Rotasi yang tertumpu kepada corak pembelajaran dalam talian.

Berdasarkan kelompangan dalam ketiga-tiga kategori kajian yang dinyatakan tersebut, jelas bahawa penelitian berhubung pelaksanaan KBAT dan aspek pengukurannya perlu diselidiki. Maka, kajian ini telah meneliti pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah Orang Asli di Daerah Batang Padang. Dalam konteks berfikir khususnya, walaupun saranan menerapkan elemen berfikir ini menjadi anjakan paradigma dalam proses pendidikan dalam kalangan para guru dan murid di Malaysia, namun hasrat ini tidak terkecuali terhadap semua lapisan suku kaum dan bangsa.

Jika guru-guru Bahasa Melayu di sekolah Orang Asli memiliki kemahiran ini, murid bebas untuk membanding, membeza, menyusun atur, mengelas dan mengenal pasti sebab dan akibat mengikut pendapat dan pandangan mereka sendiri. Andai kata diberikan suatu soalan, maka murid-murid yang terdiri daripada Orang Asli boleh memberi jawapan dalam pelbagai bentuk, idea baharu dan melihat daripada beberapa sudut yang berbentuk kritis, kreatif dan inovatif.

OBJEKTIF

Yang berikut ialah objektif kajian ini, iaitu:

1. Menenal pasti hubungan pentaksiran KBAT oleh KPM (2013a) dan gagasan CoRT (1973).
2. Meneliti sejauh mana pelaksanaan KBAT oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam proses PdP Bahasa Melayu di sekolah-sekolah yang terdiri daripada Orang Asli.
3. Menenal pasti unsur-unsur KBAT yang diterapkan oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam proses PdP di sekolah-sekolah yang terdiri daripada Orang Asli menggunakan skala pengukuran Penyelidikan Ketelusan Kognitif (*Cognitive Research Trust- CoRT*) oleh Edward De Bono (1973).

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana pendekatan ini dapat memberikan kefahaman yang mendalam berkaitan dengan pemahaman guru-guru Bahasa Melayu tentang pengamalan KBAT serta pengaplikasiannya dalam PdP Bahasa Melayu terhadap murid-murid Orang Asli di sekolah menengah yang majoritinya terdiri daripada Orang Asli.

Penelitian deskriptif kualitatif digunakan dengan tujuan untuk mentafsirkan dan menghuraikan data yang bersangkutan pemahaman dan pengamalan KBAT yang bersifat realiti menerusi pemerhatian pengkaji menerusi pencerapan PdP, dapatan soal selidik dan temu bual bersemuka (berstruktur dan tidak berstruktur) terhadap guru-guru Bahasa Melayu di lokasi kajian.

Sampel

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah yang terpilih, iaitu di Daerah Batang Padang. Sekolah yang terpilih mempunyai populasi murid Orang Asli yang mencatat jumlah paling tinggi di daerah berkenaan. Orang Asli di daerah ini terdiri daripada rumpun bangsa Senoi, iaitu suku kaum Semai.

Oleh sebab kajian ini ingin mengenal pasti pemahaman dan pengamalan guru-guru Bahasa Melayu terhadap pemahaman dan pengamalan KBAT dalam kalangan murid Orang Asli, maka kajian ini hanya berfokus kepada guru-guru yang pernah mengajar Bahasa Melayu sama ada secara opsyen atau bukan opsyen. Dalam konteks kajian ini, guru-guru Bahasa Melayu yang terlibat di ketiga-tiga buah sekolah tersebut, mengajar di Tingkatan 1 dan 2. Seramai enam orang guru terlibat dalam proses pencerapan PdP dan temu bual.

Instrumen

Kajian ini difokuskan kepada mengenal pasti enam kepentingan peranti berfikir dalam *Cognitive Research Trust* (CoRT), iaitu CoRT 1 hingga CoRT 6 (rujuk Jadual 1) dan menghuraikan teknik-teknik yang diaplikasikan dalam peranti berfikir tersebut, iaitu teknik PMI (*Plus, Minus, Interesting*), CAF (*Consider All Factors*), C&S (*Consequence & Sequel*), AGO (*Aims, Goal, Objectives*), FIP (*First, Important, Priorities*), APC (*Alternatives, Possibilities, Choice*) dan OPV (*Other People's Views*). Teknik CoRT diperkenalkan oleh Edward De Bono pada 1973.

Oleh itu, instrumen yang digunakan dalam kajian ini melibatkan pencerapan yang dianalisis menggunakan Senarai Semak Pencerapan PdP Guru. Bagi memastikan berlakunya kesahan, dua orang pakar telah melakukan kesahan muka dan kandungan. Protokol temu bual berstruktur juga digunakan bagi mendapatkan data tentang pengamalan CoRT dalam kalangan enam orang guru yang terlibat sebagai responden.

Pencerapan dan Senarai Semak Pencerapan PdP

Dalam konteks kajian ini, proses pencerapan dilakukan melalui beberapa peringkat pengurusan

seperti mendapatkan persetujuan responden terlebih dahulu serta memaklumkan kepada responden berkaitan pelaksanaan kajian ini secara terperinci agar mereka dapat memberi kerjasama dengan sebaiknya.

Dalam usaha memastikan proses pencerapan memenuhi objektif yang digagaskan, pengkaji telah membina senarai semak pencerapan yang terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A (Semakan KBAT Keseluruhan dalam PdP Guru), Bahagian B (Catatan Teknik Penyualan), Bahagian C (Catatan KBAT Peta Pemikiran i-Think) dan Bahagian D (Catatan Inovasi) dan Bahagian E (Catatan KBAT CoRT). Senarai Semak ini telah disahkan oleh dua orang pakar bidang.

Temu Bual Separa Berstruktur dan Tidak Berstruktur

Kajian ini melibatkan proses temu bual secara temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Temu bual separa berstruktur berupaya memberikan maklumat secara terancang berkaitan kehendak kajian ini menerusi soal jawab terhadap soalan-soalan yang berbentuk pertanyaan terhad kepada kajian ini. Seterusnya, kajian ini juga memanfaatkan temu bual tidak berstruktur bagi meneroka idea atau perasaan responden terhadap aspek KBAT dan gagasan dan panduan yang telah diterima selari dengan perkembangan semasa.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan objektif kajian yang dibangunkan dalam kajian ini. Dapatan kajian diperjelaskan dalam setiap objektif yang digagaskan.

Objektif 1: Hubungan Pengukuran KBAT oleh KPM (2013a) dan Cort (1973)

Bagi menerapkan KBAT dalam kalangan murid Orang Asli, maka peranan guru sangat signifikan. Kemahiran berfikir ini bukanlah asing kepada guru kerana mereka telah didedahkan tentang konsep dan kaedah kemahiran ini semasa mengikuti latihan perguruan di maktab atau universiti suatu ketika dahulu. Walau apa pun, guru perlu terus meningkatkan keupayaan kemahiran berfikir mereka supaya dapat memberikan yang terbaik

kepada murid-murid Orang Asli dalam pengajaran mereka.

Bertitik tolak daripada perkara inilah, kajian ini melanjutkan perbincangan berkaitan pelaksanaan aspek KBAT dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah dengan berpandukan skala Penyelidikan Ketelusan Kognitif (*Cognitive Research Trust-CoRT*). Berdasarkan Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, KPM (2013a), aspek KBAT melibatkan skop yang luas dan perlu memiliki lima ciri, iaitu:

1. Stimulus: Item KBAT menggunakan stimulus secara ekstensif untuk menjana kemahiran inferens dan penaakulan kritikal.
2. Pelbagai tahap pemikiran: Item KBAT dibina untuk mentaksir pelbagai aras pemikiran dalam domain kognitif untuk memberi impak yang lebih besar.
3. Konteks bukan lazim: Penggunaan situasi baharu di luar bilik darjah dalam item KBAT bertujuan untuk menggalakkan murid berfikir lebih mendalam dan bukan sekadar mengingatsemula apa yang dipelajari dalam bilik darjah.
4. Situasi sebenar dalam kehidupan harian: Item KBAT mencabar murid untuk menyelesaikan suatu masalah kehidupan sebenar dengan menggunakan pembelajaran daripada pelbagai disiplin.
5. Item tidak berulang: Item KBAT berbeza setiap tahun dan menggunakan bahan yang melangkaui bahan buku teks, buku kerja, buku latihan dan sebagainya.

Bertitik tolak daripada landasan dan panduan ini, dapatlah dirumuskan bahawa pengamalan KBAT memerlukan organisasi dan perancangan yang teliti daripada guru-guru khususnya, dan pelaksanaannya juga hendaklah berlaku secara bersungguh-sungguh. KPM (2013a) dalam Pentaksiran KBAT telah menggagaskan beberapa prinsip pengamalan KBAT, iaitu prinsip pembinaan dan penilaian item KBAT memerlukan kombinasi pelbagai kemahiran yang dapat dikuasai melalui latihan yang intensif dan kritikal dan juga melalui pengalaman. Proses ini juga memerlukan sesuatu item yang dibina mengikut spesifikasinya serta mempunyai peranan tertentu dalam sesuatu ujian. Item yang baik harus mempunyai sembilan ciri berikut:


1. Akur Kurikulum: Sekiranya perkara yang ditaksir itu di luar kurikulum, maka kesahan kurikulum bagi item itu boleh dipertikaikan.
2. Akur Peluang: Item yang dibina mestilah mengenai pengalaman yang telah dilalui oleh murid, sam ada dari pengalaman sebenar atau dari pendedahan guru atau media yang lain.
3. Akur Spesifikasi: Item yang dibina mestilah mengikut pelan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam Jadual Spesifikasi Ujian.
4. Tepat Konstruk: Konstruk ialah perkara yang ditaksir. Sekiranya tugas dalam item itu menyebabkan murid gagal mempersembahkan evidens (bukti) yang relevan dengan perkara yang ditaksir, maka skor item itu tidak sah.
5. Tepat Konteks: Tajuk, tema, bidang atau konteks merupakan tempat pentaksiran sesuatu konstruk itu diuji. Oleh itu, murid harus biasa dengan perkara atau idea yang diketengahkan.
6. Jelas Komponen: Kejelasan dari segi bahasa, kata tugas, bahan rangsangan dan opsyen. Susunan perkataan dan ayat atau gambarajah hendaklah memberi isyarat yang jelas tentang apa yang harus dilakukan oleh murid serta bagaimana ia harus dilakukan.
7. Kesesuaian: Kesukaran Aras rendah ialah item mudah yang boleh dijawab oleh sebahagian besar murid. Aras sederhana ialah item pertengahan yang boleh dijawab oleh murid sederhana dan cemerlang. Aras tinggi ialah item sukar yang boleh dijawab oleh murid cemerlang.
8. Sesuai Penting: Idea, isi kandungan atau hal-hal yang remeh-temeh atau yang asing kepada murid tidak harus ditaksir sebab ia boleh menyebabkan penghakiman yang tidak adil.
9. Sesuai Adil: Item yang ditulis itu tidak berat sebelah (bias) dan tidak memberi faedah (*advantage*) secara sistematik/automatik kepada golongan/kelompok/kaum tertentu dalam masyarakat sama ada mengikut ras, jantina, tempat tinggal atau status ekonomi.

Berdasarkan prinsip ini, guru Bahasa Melayu boleh membentuk piawaian sendiri dengan mematuhi aras taksonomi yang digariskan. Misalnya, penggunaan peta *i-Think* dalam PdP dapat memandu pemikiran murid menentukan

skop idea mereka, sama ada berbentuk peta buih, peta dakap dan lain-lain. Teknik penyooalan merupakan strategi yang produktif diamalkan oleh guru kerana memudahkan guru merangsang idea dan pemikiran murid. Walaupun kedua-dua strategi ini dianggap sebagai strategi yang efektif dalam mencetuskan idea kepada guru dan murid, namun ukuran piawaiannya masih boleh diragui sekiranya guru tidak menggunakan landasan pentaksiran KBAT dengan sewajarnya.

Penskoran dalam prinsip pentaksiran yang digariskan tersebut juga sukar ditentukan sama ada pengalihan idea KBAT daripada -murid berada pada tahap yang sederhana, memuaskan atau baik. Oleh itu, kajian ini mengaplikasikan penggunaan peranti CoRT (*Cognitive Research Trust*) sebagai satu inisiatif merangsang KBAT murid berserta piawaian yang tekal dan terarah.

Pengaplikasian peranti berfikir CoRT 1 hingga 6 melibatkan hubungan dengan teknik berfikir yang sesuai. Hubungan kait kedua-dua mekanisme tersebut dapat diperlihatkan dalam Rajah 1.



RAJAH 1: Hubungan kait peranti CoRT 1 hingga CoRT 6 dengan teknik berfikir

Guru boleh memilih teknik berfikir yang sesuai yang dapat diaplikasikan bagi mencungkil aspek berfikir dalam setiap perkara yang dinyatakan pada CoRT 1 hingga CoRT 6. Pemanfaatan peranti CoRT dan Teknik berfikir yang pelbagai dapat memperlihatkan katajaman daya berfikir guru dan murid. Pemilihan CoRT dan teknik berfikir yang sesuai juga membolehkan guru lebih bersedia dengan alat bantu mengajar yang interaktif dan multikonteks bagi mencungkil idea/jawapan/keputusan yang bernas dan kritis daripada murid

OBJEKTIF 2: Analisis Temu Bual dan Pencerapan PdP terhadap Pelaksanaan KBAT

Berdasarkan temu bual bersama responden, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa masalah yang dominan dalam pengamalan KBAT, iaitu:

1. Guru tidak memperkasakan pengamalan KBAT.
2. Guru sukar mentukan piawaian KBAT.
3. Persediaan guru tidak memberangsangkan dalam pengamalan KBAT.
4. Guru kurang informasi berkaitan pelaksanaan KBAT.

Kesemua masalah ini akan dibincangkan dalam bahagian selanjutnya. Menerusi pencerapan PdP, pengkaji mendapati bahawa amalan KBAT yang diamalkan dalam pencerapan pedagogi guru berlaku pada aras pengaplikasian sahaja, iaitu apabila guru menghubungkan pengetahuan sedia ada murid dengan pengalaman di luar konteks. Sedangkan pemikiran aras tinggi juga melibatkan proses menilai dan mencipta yang sewajarnya dipupuk dalam kalangan murid. Walaupun lokasi kajian ini melibatkan pengumpulan data daripada guru-guru Bahasa Melayu dan murid-murid yang terdiri daripada hampir 50% Orang Asli, keadaan ini tidak mengekang guru dalam mengamalkan aspek KBAT, tetapi penggunaan kaedah dan bahan rangsangan dalam PdP masih bertaraf biasa-biasa dan tidak mencabar kemampuan daya taakul aras tinggi dalam kalangan murid, mahupun guru sendiri.

Hal ini ditunjukkan menerusi analisis pencerapan PdP terhadap guru-guru Bahasa Melayu di sekolah menengah yang terdiri daripada Orang Asli, didapati telah mengamalkan 10 jenis

strategi peranti CoRT yang dihubungkan dengan teknik berfikir yang tertentu dan hal ini menunjukkan satu usaha yang baik, walaupun pengayaan terhadap amalan peranti dan teknik berfikir ini masih perlu diperincikan agar benar-benar mematuhi prinsip yang digagaskan seperti yang digariskan dalam peranti berfikir ini.

Respon murid-murid yang terdiri daripada Orang Asli terhadap aspek KBAT tersebut juga perlu dicungkil dengan mendalam bagi merangsang pemikiran murid agar lebih bersifat kritis. Walau bagaimanapun, perkembangan KBAT di dalam bilik darjah yang diteliti di sekolah-sekolah Orang Asli yang terpilih dalam kajian ini, menunjukkan berlakunya usaha mempergiat amalan KBAT seperti yang diharapkan dalam PPPM 2013-2025 (KPM 2013b). Beberapa soalan telah diajukan kepada enam orang responden yang merupakan guru opsyen dalam bidang Bahasa Melayu dan taburan respon temu bual bersama mereka ditunjukkan seperti di dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Dapatan temu bual

Soalan	Peserta Kajian	Respon Temu Bual	Rumusan Dapatan
1. Bagai-mana guru menyahut cabaran KPM tentang isu KBAT ini?	Guru 1	Saya amat positif, bersetuju dengan pelaksanaan KBAT, tetapi masih tidak dapat informasi yang jelas berkaitan pelaksanaannya.	a) Guru tidak memperkasakan pengamalan KBAT. b) Guru sukar menentukan piawaian KBAT c) Persediaan guru tidak memberangsangkan dalam pengamalan KBAT d) Guru kurang informasi berkaitan pelaksanaan KBAT.
	Guru 2	Program KBAT baik untuk diteruskan. Guru perlu diberi pengukuhan mengukur aspek KBAT.	
	Guru 3	Baik untuk mencungkil idea pelajar dan guru perlu faham konsep ini dengan jelas untuk melaksanakannya.	
2. Adakah KBAT boleh menjadikan bilik darjah	Guru 4	Ya, KBAT boleh memberikan pelajar menunjukkan	

lebih interaktif dan pelajar boleh dinilai dari segi mutunya?	Guru 6	Ya boleh, tetapi memerlukan ABM yang sesuai, seperti bahan berbantuan muzik.
3. Adakah guru faham atau tidak aplikasi KBAT di dalam PdPc bilik darjah? Apakah elemen KBAT yang amalkan?	Guru 2 Guru 3	Ya. Saya melakukan penyoalan dan aktiviti PAK 21 Saya memahaminya dan mengamalkan peta i-THINK.
4. Adakah guru pernah mendengar tentang aplikasi CoRT? Jelaskan.	Guru 1 Guru 6	Tidak pernah Tidak pernah, tetapi mungkin saya kurang maklum berkaitan KBAT secara khusus, hanya mendapat maklumat KBAT secara umum.
5. Jika jawab YA bagi soalan 4. Apakah istimewanya peranti CoRT berbanding peranti berfikir yang lain?	Guru 3 Guru 4	CoRT baik kerana memiliki beberapa bentuk pemikiran, tetapi saya belum mengetahuinya dengan jelas. CoRT sejenis teknik KBAT, dan ada pelbagai jenis.

Skala Pengukuran CoRT

Berlaskaskan aplikasi CoRT, kajian ini telah menyediakan skala skor seperti di Jadual 2. Skala skor ini berfungsi sebagai pengukur kepada titik hubungan antara Strategi Peranti CoRT dan Teknik Berfikir.

JADUAL 2: Skala skor

Strategi Peranti CoRT dan Teknik Berfikir	Tahap
1 hingga 2 jenis	Rendah
3 -5 jenis	Sederhana
6 hingga lebih	Baik/ Cemerlang

Saranan PPPM 2013-2025 (KPM 2013b) yang menggesa pedagogi serta pengamalan PdP oleh guru dan murid mematuhi kriteria KBAT masih belum jelas daripada konteks gagasan ukurannya. Hal ini kerana, kemahiran berfikir merupakan aktiviti yang bersifat abstrak yang melibatkan operasi mental seperti pengamatan, pencarian ilmu, menyelesaikan masalah, membuat keputusan serta merancang dan membina ilmu (Anida et al. 2017). Kozlow dan Bellamy (2004) menyatakan bahawa aktiviti berfikir aras tinggi bersifat kompleks dan memerlukan imaginatif perasaan, tahap minda, cita rasa dan tahap kognitif seseorang Hal ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran berfikir melibatkan pengaplikasian domain kognitif dan efektif sebagai ukuran pencapaian murid terhadap gagasan ini.

Persoalannya, bagaimanakah guru-guru dapat menangani atau mentafsir kebolehan dan keupayaan murid dalam mengaplikasikan KBAT semasa membuat perbincangan, menyelesaikan masalah, mahupun melontarkan pandangan? Adakah guru mengukur gagasan KBAT murid dengan hanya melalui interpretasi pengetahuan mereka sahaja, atau guru menetapkan skema-skema jawapan yang telah diorganisasikan sebagai pencirian KBAT? Jika ini berlaku, adakah perspektif ini dianggap adil dalam menilai potensi murid yang memenuhi ciri-ciri KBAT?

Jika dilihat daripada gagasan Taksonomi Bloom dan Krathwohl (2001), pengukuran KBAT boleh dilakukan berdasarkan penetapan aras taksonomi dalam hasil pembelajaran. Hal ini bermakna, pengajaran perlu mematuhi piawaian-piawaian yang dapat mengukur hasil pembelajaran yang disasarkan. Bagaimanakah guru-guru mengorganisasikan piawaian KBAT ini. Adakah pengukuran pencapaian KBAT oleh murid hanya berdasarkan interpretasi sahaja? Bertitik tolak daripada persoalan ini, terdapat beberapa kepincangan yang perlu ditangani oleh semua pihak, iaitu menyentuh tentang:

1. Kayu ukur pengamalan KBAT dalam PdP guru.
2. Piawaian KBAT yang sesuai untuk kepelbagaian aras pengetahuan murid.
3. Matlamat guru bagi memenuhi tuntutan KBAT dalam PdP.

Berhubung dengan perkara ini, pengkaji cuba mengenal pasti permasalahan berkaitan KBAT yang wujud dalam PdP serta perencanaan cadangan pengamalan KBAT menggunakan peranti KBAT yang lebih efektif, iaitu Skala *Cognitif Research Trust* (CoRT) yang akan dihuraikan pada bahagian seterusnya.

Berdasarkan transkripsi PdP guru Bahasa Melayu, pengkaji telah melakukan analisis dari sudut pengamalan KBAT dengan menggunakan kaedah peranti berfikir CoRT dan hubungannya dengan teknik berfikir yang digunakan. Hasil analisis berjaya memperlihatkan sebanyak tujuh jenis strategi CoRT dan teknik berfikir yang diamalkan oleh guru-guru dalam PdP Bahasa Melayu.

Analisis 1: Pengaliksaan CoRT 1 dan CoRT 2, Teknik CAF dan FIP

Ekstrak GBSMKST

Guru B: Baik, ambil masa kamu. Senaraikan hanya empat isi tersurat.

Murid: Tak payah lagi. senaraikan hanya empat isi tersurat sahaja. Ada banyak benda dalam tu saya hanya nak isi tersurat, berapa?

Murid: Empat.

Guru B: Siapa yang belum dapat petikan? Isi tersurat, isi tersurat, mana nak dapat isi tersurat, apa yang depan? apa yang berlaku?apa yang ada di tempat tersebut?

Guru B: Baik, agak-agak kamu, apa tema bagi tajuk tersebut?

Murid: Pesta Buku 2017

Guru B: Temanya ialah berkaitan dengan aspek pesta buku. Pesta buku maknanya kita kena membaca. Ada yang beli buku tapi, tak baca?..Kenapa beli?

Murid: Simpan.

Guru B: Buat apa beli? Buat koleksi. Betul?

Murid: Betul.

Guru B: Baik, dapat isi tersurat?

Murid: Dapat.

Guru B: Baik, dapat isi tersurat? Saya nak panggil empat orang wakil tulis isi tersurat. Baik, seorang lagi, Khairul! Isi tersurat, maknanya isi yang diambil daripada bahan yang

dibekalkan. Ok duduk, terima kasih.

Guru B: Bila kamu dapat, soalan ini tentang pesta buku. Bila dia akan diadakan? Ada jawapan? Bila dia akan diadakan?

Murid: Ada, pada 24 April hingga 30 April.

Guru B: Ya. Pada hari apa akan diadakan?

Murid: Isnin hingga Khamis.

Guru B: Apa kelebihan kalau kamu pergi ke tempat ini?. Masuk bayar ke? Dia dah nyatakan masuk secara percuma. Apa lagi yang kamu dapat kalau kamu mengunjungi tempat ini? Ada diskaun.

Murid: Ada.

Strategi Peranti CoRT (*Cognitive Research Trust*) yang dikenal pasti dalam soalan guru tersebut ialah CoRT 2 dan CoRT 3. Dalam CoRT 2, guru berperanan untuk mengulang arahan agar murid memfokuskan topik yang dikehendaki, iaitu hanya isi tersurat sahaja (apabila guru menetapkan hanya empat isi tersurat boleh diamati daripada petikan dan guru memastikan semua murid dapat menemui empat isi tersurat tersebut). Guru juga mewujudkan komunikasi dua hala dalam sesi perbincangan selaras dalam CoRT 3 (sesi soal jawab berkaitan tarikh pesta buku diadakan dan kepentingan hadir ke pesta buku).

Ujian CoRT yang terdapat dalam petikan berikut ialah CAF (*Consider All Factors*) dan FIP (*First Important Priorities*). Melalui CAF, murid perlu membuat penilaian untuk mendapatkan isi tersurat yang terdapat dalam lembaran kerja (terbukti apabila guru meminta pandangan berkaitan faedah hadir ke pesta buku). Setelah itu, guru membuat perbincangan bersama murid untuk membuat keputusan (guru hanya menerima jawapan tersurat yang tepat seperti yang dikehendaki dalam petikan). Berdasarkan strategi peranti CoRT dan teknik CoRT, tahap KBAT berada dalam tahap sederhana.

Analisis 2: Pengaplikasian CoRT 1 dan CoRT 2, Teknik CAF, FIP, OPV dan PMI

Ekstrak GBSMKST

Guru B: Kalau kamu pergi dengan kawan kamu, apa yang kamu dapat?

Murid: Dapat..mengeratkan silaturrahim.

Guru B: Kamu tak banyak duit, apa yang kamu dapat menjimatkan?. Wang, menjimatkan masa, betul, menjimatkan masa?

Murid: Betul.

Guru B: Kamu mengolahkan ayat dengan baik. Dapat? Bincanglah dulu.

Guru B: Ok. Isi tersirat yang pertama, baik..saya akan panggil murid, datang ke depan, dan tulis. yang pertama.. yang kedua.. dan yang ketiga..... siapa yang tulis diskaun ni? Diskaun isi tersurat..atau isi tersirat?Apa faedah yang kamu dapat? mendapat ilmu pengetahuan. baik, seorang lagi..Nur Syafirah..baik, tulis isi tersirat yang kamu dapat. baik, terima kasih. ada perbezaan antara isi tersurat dan isi tersirat?

Murid: Ada

Guru B: Isi tersurat, kita ambil daripada?

Murid: Gambar yang dibekalkan.

Guru B: Dan isi yang tersirat kita ambil daripada mana?

Murid: Idea.

Guru B: Idea yang keluar dari murid. Baik, yang belum salin, sila salin maklumat ini, dalam kertas kamu. Ok., kita baca balik, apa isi tersirat yang ditulis oleh kawan kamu. Yang pertama, mendapat pengalaman baru, yang kedua dapat..menjimatkan wang, yang ketiga, dapat menambahkan ilmu pengetahuan. dan yang keempat, dapat mengeratkan silaturrahim. Ok, ini antara isi yang boleh dijadikan sebagai isi tersirat. baik, selain daripada ini, ada tak pendapat lain, yang boleh dimasukkan sebagai isi tersirat? Mendapatkan ilmu dah ada. Menjimatkan masa. Satu pesta buku, semua jenis buku yang ada. Kamu nak apa? Kamu nak buku masakan, buku muridan, buku rujukan, buku latihan, semua...Kamu nak buku subjek apa? Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, semua ada di tempat yang sama

Berdasarkan Ekstrak GBSMKST, guru mengaplikasikan strategi Peranti CoRT 1 dan CoRT 2 Pengaplikasian CoRT 1 dinyatakan apabila guru bertanyakan pelbagai soalan untuk memberi kebebasan murid berfikir dan melontarkan idea mereka. Murid menggunakan imaginasi, menilai dan membuat keputusan mengenai idea mereka, guru pula membuat timbang tara dan memvariasikan keputusan yang dikemukakan murid bagi menghasilkan idea yang menarik.

Seterusnya, CoRT 2 berlaku apabila murid memfokuskan isi tersirat dan tidak tersasar daripada topik yang dibincangkan. Oleh yang demikian, unsur KBAT dalam komunikasi dua hala yang ditunjukkan dalam petikan ini berada pada tahap yang baik.Ujian CoRT yang diaplikasikan ialah CAF (*Consider All Factors*)-(guru menimbangkan idea murid menerusi persoalan berkaitan faedah pergi bersama kawan). OPV (*Other People's Views*) (guru menerima pandangan murid lain berkaitan faedah pergi bersama kawan), FIP (*First Important Priorities*)-

(guru mengutamakan idea yang penting) dan PMI (*Plus, Minus, Interesting*)-(guru mencari kekuatan nilai persahabatan) .

Analisis 3: Pengaplikasian CoRT 1 dan CoRT 3, dan Teknik PMI

Ekstrak GBSMKST

Guru B : Kalau kamulah yang ke pesta buku, apa jenis buku yang kamu akan cari? Jujur! .

Murid : Komik, majalah, novel.

Guru B : Ok..bagi remaja apa yang nak kamu baca? Adakah yang berkaitan dengan novel. Apa yang kamu dapat dari novel. Apa perbezaan kita baca buku dengan kita baca novel? Baca buku kita akan jadi mengantuk..baca novel, rasa?

Murid : Segar

Guru B : Sekarang secara berpasangan, secara berpasangan saya minta tolong... nak minta tolong senaraikan empat isi tersirat. Apa yang kamu dapat bila kamu membaca. apa yang kamu dapat, bila kamu mengunjungi tempat-tempat jualan pesta buku tersebut Bincangkan. Saya beri 5 minit, cuba senaraikan empat isi tersirat. Bincang dengan rakan, empat isi tersirat.

Berdasarkan Ekstrak GBSMKST, unsur KBAT yang diaplikasikan oleh guru berada pada tahap yang sederhana, iaitu hanya melibatkan pengaplikasian strategi peranti CoRT 1 dan CoRT 3 serta ujian PMI (*Plus, Minus, Interesting*). Pada CoRT 1, guru memberi analogi (menerusi kesan membaca buku dan novel) kepada murid. Setelah itu, guru mendapatkan pandangan murid mengenai isu yang diketengahkan (berkaitan isi tersirat pergi ke pesta buku). Selain itu, pada CoRT 3 pula, perbincangan pengajaran guru menggunakan contoh yang relevan yang berkaitan isu sambil melakukan sesi soal jawab bersama murid menggunakan teknik PMI (*Plus, Minus, Interesting*), iaitu guru meminta murid menyatakan jenis buku yang dicari di pesta buku.

Analisis 4: Pengaplikasian CoRT 1, Teknik PMI

Ekstrak GASMKST

Guru A : Siapa tuan Bawod? Edison!

Murid : Bentong merupakan tuan kepada Bawod dan Buyong.

Guru A : Bentong tuan kepada Bawod dan Buyong. Terima

kasih. Pada mulanya Bawod dan Buyong..Bawod tu apa?

Murid : Sapir

Berdasarkan Ekstrak GASMKST, guru mengaplikasikan strategi Peranti CoRT 1 (persepsi), iaitu apabila guru meminta murid menjawab terus kepada pertanyaan yang diberi. Ujian CoRT pula mendapati hanya PMI (*Plus, Minus, Interesting*) sahaja yang terdapat dalam perbincangan tersebut (guru meminta kekuatan pada topik yang dibincangkan, iaitu tentang kekuatan identiti Bawod dan Buyong). Oleh itu, unsur KBAT dalam komunikasi dua hala yang ditunjukkan dalam petikan ini berada pada tahap yang rendah.

Berdasarkan kepada proses pencerapan PdP guru ini, jelaslah bahawa terdapat interaksi dua hala yang aktif antara guru dan murid, namun pengamalan KBAT masih berada pada tahap yang rendah. Melalui peranti CoRT, aspek KBAT dapat ditangani dengan baik, malah lebih mudah untuk guru menentukan sejauh manakah tahap pengamalan KBAT yang diaplikasikan oleh guru-guru dan juga daripada murid. Dari sudut pemanfaatan peranti ini, sekiranya guru mengaplikasikan pelbagai peranti dan ujian CoRT dan hal ini mewujudkan amalan PdP yang bersifat kritis.

Analisis 5: Pengaplikasian CoRT 1 dan CoRT 3 dan Teknik OPV

Ekstrak GCSMKT

Cikgu C : Silakan Asyikin, kalau dalam kelas tu, siapa gadis? Siapa gadis?

Murid : Kami.

Cikgu C : Yang ini siapa? apa dia? Iswadi kata apa Iswadi? Ha, bangunlah, kalau ini dikatakan gadis, yang ini apa?

Murid : Lelaki.

Cikgu C : Lelaki. Lelaki banyak panggilan lelaki. Lelaki boleh, perawan boleh, faham? Duduk Asyikin, terima kasih. Pandai awak eh, bagus!. Ok, seterusnya, ada pertanyaan tak sebelum ini?

Murid : Tidak.

Cikgu C : Ok, kita terus baca rangkap kelima belas.

Murid : (Membaca pantun)

Cikgu C : Ha, itu dia, apa maksud dalam rangkap kelima belas?

Murid : Walaupun berpisah, namun suatu hari nanti akan

tetap bertemu jua.

Cikgu C : *Ha, itu dia maksud dia ya. Walaupun kita terpisah, namun, suatu hari, akan bertemu jua. Macam awaklah, yang cikgu sebutkan. Untung minggu depan ya, macam awak dengan si Hafiz. Suatu masa ada rezeki, awak belajar bagus-bagus, jumpa dekat universiti kan?*

Murid : *Ya.*

Berdasarkan Ekstrak GCSMKT, guru mengaplikasikan strategi CoRT 1 menerusi sesi soal jawab. Selain itu, guru mewujudkan pemahaman luar konteks atau perluasan persepsi dengan memberi contoh kosa kata lain bagi lelaki seperti perawan. Maklum balas guru dan murid mewujudkan interaksi yang merujuk kepada CoRT 3. Hal ini terbukti apabila guru meminta murid membaca pantun untuk menarik minat murid, sekali gus menguji daya pemikiran murid dalam memberi makna kepada pantun tersebut.

Proses PdP ini mewujudkan proses OPV (*Other People's Views*), iaitu proses mengambil kira pandangan atau pendapat orang lain untuk dipertimbangkan bagi menyokong keputusan atau tindakan (guru menerima pandangan murid berkaitan makna dalam rangkap pantun kelima). Kesimpulannya, unsur KBAT yang dinyatakan dalam petikan berada pada tahap yang sederhana.

Analisis 6: Pengaplikasian CoRT 1, CoRT 5, Teknik CAF dan PMI

Ekstrak GCSMKT

Cikgu C : *Contohnya, cikgu senyum gembira ke marah?*

Murid : *Gembira.*

Cikgu C : *Cuba cikgu masam ja, awak tengok betapa hodohnya muka cikgu.*

Cikgu C : *Ha itu dia contoh. Contoh perasaan antara lelaki dan perempuan mengenai kasih sayang. Tetapi, dalam pantun ini pula, kita tengok dia semua-semua pantun ini, kalau kita faham, nilai dia ada kasih sayang seolah-olah ada perasaan?*

Murid : *Cinta.*

Cikgu C : *Cinta umur macam ni, boleh ke tak boleh?*

Murid : *Tak boleh.*

Cikgu C : *Ok, tak boleh. Bila boleh tu?*

Murid : *21 tahun ke atas.*

Maklumat dan perasaan memainkan peranan penting dalam proses PdP. Berdasarkan Ekstrak

GCSMKT, guru menggunakan teknik ekspresi muka. Ekspresi muka adalah salah satu saluran dalam komunikasi bukan lisan. Semasa berinteraksi, ekspresi muka memainkan peranan yang penting. Ekspresi wajah atau mimik muka merupakan hasil dari satu atau lebih gerakan reaksi otot pada wajah seseorang individu. Ekspresi wajah merupakan salah satu bentuk komunikasi bukan lisan yang dapat menyampaikan emosi seseorang kepada orang yang memerhatikannya. Strategi Peranti CoRT 5 dikenal pasti dalam ekstrak GCSMKT yang memaparkan kemahiran guru membuat ekspresi muka untuk menyampaikan maklumat kepada murid (apabila guru menunjukkan perbezaan ekspresi muka apabila senyum dan masam).

Oleh itu, dalam konteks ini, murid dapat memberi maklum balas yang khusus setelah diproses dari penglihatan, pengalaman dan dijadikan maklumat untuk disampaikan. Hal ini selaras dengan Strategi Peranti CoRT 1, iaitu persepsi dari tanggapan atau penilaian melalui penglihatan atau pengalaman (apabila murid memberi tanggapan sedia ada berkaitan ekspresi muka guru, iaitu murid menyatakannya sebagai ekspresi gembira). Teknik CAF (*Consider All Factor*) dikenal pasti apabila murid dapat menimbang semua faktor dengan perkara yang dibincangkan sebelum membuat keputusan, iaitu apabila murid mengetahui tahap umur yang sesuai untuk masuk ke alam percintaan.

Selain itu, PMI (*Plus, Minus, Interesting*) juga dikenal pasti dalam proses membuat keputusan ini (apabila guru bertanya sama ada hubungan cinta pada tahap remaja dibenarkan atau tidak. Persoalan ini mengkehendaki murid berfikir mencari kekuatan, kelemahan dan keistimewaan hubungan cinta tersebut). Unsur KBAT yang dinyatakan dalam petikan berada pada tahap yang sederhana.

Analisis 7: Pengaplikasian CoRT 2, CoRT 3 dan CoRT 4, Teknik OPV, APC, CAF dan PMI

Ekstrak GCSMKT

Cikgu C : *Stesen satu buat apa?*

Murid : *Kamus.*

Cikgu C : *Apa yang kamu perlu cari?*

Murid : Makna.

Cikgu C : Kumpulan kedua, apa dia?

Murid : Beri peribahasa

Cikgu C : Kumpulan ketiga apa dia?

Murid : Kata terbitan.

Cikgu C : Kumpulan keempat apa dia?

Murid : Cipta pantun dua kerat.

Cikgu C : Ok, apa yang cikgu nak kamu buat, ialah mengaplikasikan pengajaran yang diajar dalam bentuk peta i-Think yang sesuai. Kumpulan pertama, saya nak awak cari seberapa banyak makna yang ada. Ok, faham?

Murid : Faham.

Berdasarkan Ekstrak GCSMKT, guru mengaplikasikan peranti befikir CoRT 2, CoRT 3, CoRT 4 dan CoRT 6, iaitu interaksi, tindakan serta kemahiran berfikir kreatif dan kritis. Pada CoRT 2 dan CoRT 3, guru berbincang bersama murid dengan memberi peluang bebas kepada murid untuk memberi idea bersama ahli kumpulan (apabila guru memberikan organisasi idea pada kumpulan tertentu-CoRT 2 dan apabila guru mewujudkan interaksi menerusi perbincangan bersama ahli kumpulan). Idea yang bersifat terarah ini membolehkan murid mencapai kehendak soalan dan guru mencapai objektif pembelajaran.

Penggunaan bahan ilmiah seperti Kamus Dewan yang diedarkan oleh guru (tindakan) semasa sesi perbincangan dapat membina daya berfikir kepada murid dan hal ini menunjukkan guru mengaplikasikan CoRT 6. Seterusnya, pengaplikasian CoRT 4, iaitu argumen berfikiran kritis dan kreatif, diwujudkan menerusi perbincangan secara berkumpulan yang membolehkan murid berfikir luas dan dapat melakukan inovasi yang menarik sebagai hasil perbincangan.

Proses PdP ini mewujudkan proses OPV (*Other People's Views*), iaitu proses mengambil kira pandangan atau pendapat orang lain untuk dipertimbangkan bagi menyokong keputusan atau tindakan semasa sesi perbincangan dalam kumpulan. Proses APC (*Alternatives, Possibilities, Choice*), CAF (*Consider All Factors*), PMI (*Plus, Minus, Interesting*) dan C&S (*Consequences & Sequel*) juga dikenal pasti semasa sesi perbincangan kumpulan dilakukan. Secara keseluruhan, unsur KBAT yang dinyatakan dalam petikan berada pada tahap yang baik.

Guru Bahasa Melayu merupakan tunjang yang dipertanggungjawabkan menyediakan landasan pengetahuan bahasa yang kukuh kepada murid supaya dapat menyambung usaha perkembangan bahasa dengan lebih pesat. Bagi guru yang belum menguasai kemahiran berfikir aras tinggi yang baik, mereka masih berpeluang mengikuti kursus, bengkel, seminar, dan membaca buku-buku tentang tatabahasa serta jurnal bahasa yang terkini agar dapat melahirkan guru yang berkualiti dan berkaliber dalam PdP Bahasa Melayu.

Institusi pengajian terutama sekolah-sekolah hendaklah mengambil tempat di barisan hadapan dalam usaha melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang bernilai tambah dari segi kandungan ilmu pengajaran dan gabung jalin penerapan berfikir aras tinggi dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu di sekolah.

KESIMPULAN

Isu pendekatan KBAT bukan sahaja perlu diteliti dari sudut penguasaan ilmu kandungan sahaja, tetapi perlu diperpanjangkan kepada ilmu yang dapat menggabungkan ilmu kandungan dengan ilmu persekitaran menggunakan strategi berfikir aras tinggi. Pengkaji berharap agar kajian dalam aspek pengukuran KBAT perlu diteruskan lagi dalam isu-isu yang melibatkan skala pengukuran KBAT yang lebih efektif, sejajar dengan perubahan teknologi dan rancaknya proses gelombang maklumat terhadap sekolah-sekolah tanpa meminggirkan keperluannya terhadap murid-murid Orang Asli agar keseimbangan pendidikan dapat diterapkan secara adil dan saksama.

Kajian ini telah dapat mengenal pasti pelaksanaan KBAT serta sejauh mana pengamalan aspek tersebut oleh guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah yang terdiri daripada Orang Asli dalam PdP menerusi pengukuran CoRT. Pelaksanaan peranti CoRT didapati dapat menjadi satu strategi inisiatif dalam usaha mengangani kekangan yang berlaku dalam aras piawaian KBAT di sekolah.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan Geran Penyelidikan Universiti GPU 2016-0194- 106-01

yang bertajuk Penerapan KBAT Dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah-sekolah Orang Asli Berdasarkan Pengukuran CoRT (*Cognitive Research Trust*). Penghargaan kepada RMIC, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas tawaran geran ini .

RUJUKAN

- Anderson, L., Krathwohl, D. & Airasian. (2001). *A Taxonomy for Learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of educational objectives*. New York: Allyn & Bacon.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Adenan Ayob, & Zuraini Ramli. (2017). Strategi efektif peranti berfikir CoRT (Cognitive Research Trust) dalam pendidikan Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar The 3rd Asia Pasific Conference on Educational Management and Leadership (APCEMAL 2017)*, 464-479.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Adenan Ayob, & Zuraini Ramli. (2018). Pengamalan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pedagogi Bahasa Melayu berdasarkan pengukuran CoRT (Cognitive Research Trust). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 4 (11): 134-150.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Zulkifli Osman & Intan Safinas Mohd Ariff Al-Bakry. (2019). Using the Cognitive Research Trust scale to assess the implementation of the elements of higher-order thinking skills in Malay Language teaching and learning. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*, 8 (2S2): 392-398.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Zulkifli Osman, Raja Noor Farah Azura Raja Ma'amor Shah & Intan Safinas Mohd Ariff Al-Bakry. (2019). Menangani kekaburan kemahiran prosedur dan terminologi awal Matematik: Pendekatan leksis berdasarkan Teori Prosodi Semantik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16 (2): 255-294.
- Anis Shaari & Aswati Hamzah. (2018). A comparative review of caring thinking and its implications on teaching and learning. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 15 (1): 83-104.
- Burns, N. & Grove, S.K. (2003). *Understanding nursing research*. 3rd Edition. Philadelphia: Saunders Company.
- Chew Fong Peng & Zul Hazmi Hamad. (2018) Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1): 1-12.
- Crocker, L. & Algina, J. (1986). *Introduction to classical and modern test theory*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- De Bono, E. (1973). *De Bono CoRT thinking teachers notes book 1: Breath*. New York: MICA Management Resources.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013a). *Pentaksiran kemahiran berfikir aras tinggi*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013b). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Elemen KBAT dalam pentaksiran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kozlow, M. & Bellamy, P. (2004). *Picture books: An annotated bibliography with activities for teaching writing with the 6+1 Trait® writing model*. 6th Edition. Portland, OR: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Kubiszyn, T. & Borich, G.D. (2003). *Educational testing and measurement: Classroom application and practice*. 7th Edition. New York: John Wiley & Sons.
- Laura, A.W. (2011). *The effect of thinking mapson students' higher order thinking skills*. California: California State University & Northridge University.
- Malcolm L. & Van Blerkom. (2008). *Measurement and statistics for teachers*. New York: Routledge.
- Mullis, I. V. S., Martin, M. O., Foy, P. & Arora, A. (2011). *TIMSS 2011 International Results in Mathematics: Trends in International Mathematics and Science Study 2011*, https://timssandpirls.bc.edu/timss2011/downloads/T11_IR_Mathematics_FullBook.pdf (Diakses pada 20 Februari 2020)
- Nor Hasmaliza Hassan & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi guru Bahasa Melayu sekolah

- menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 78-90.
- Rajendran, N. S. (2010). Teaching thinking skills at institutions of higher learning: Lesson learned. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 18: 1-14.
- Saidatul Akmal Awang Ali, Abdul Halim Abdullah, Noor Dayana Abd Halim & Dayana Fazeha Ali. (2016). Tahap pengetahuan dan amalan guru matematik sekolah menengah terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi. *Malaysian Journal of Higher Order Thinking Skills in Education*, Edition 1/2016: 42-75.
- Sharwin Thavarajah & Anida Sarudin. (2019) Pendekatan Kemahiran berfikir aras tinggi menerusi pemetaan metafora konsepsi dalam penulisan bahagian pendahuluan karangan Bahasa Melayu. Dlm. Norsofiah Abu Bakar, Radiah Yusoff, Muhamaad Zuhair Zainal & Wan Azmi Wan Mohamad. *Linguistik, bahasa dan pendidikan*, 117-129. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- Suhaimi Zakarian @ Othman, Baharuddin Aris, Hasnah Mohammed, Norasyikin Mohd. Zaid, & Zaleha Abdullah. (2014). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi melalui model stesen rotasi pelbagai mod. *Prosiding Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, 11-13 August.
- Johari Surif, Nor Hasniza Ibrahim, Abdul Halim Abdullah & Yahya Boon. (2016). *Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Johor Bahru: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulkifli Osman (2015). Kemampuan Model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi meningkatkan tahap motivasi dan kemahiran bahasa murid. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6: 181-213.